

Tolak ansur rujuk pengorbanan PM

13 JUN 2002

Oleh SITI MARIAM MD. ZAIN

ALOR SETAR 29 Jun – Ketua Penerangan LJMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata, kenyataannya mengenai tolak ansur berhubung pengunduran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merujuk kepada pengorbanan Perdana Menteri untuk terus berkhidmat demi parti dan negara.

Beliau berkata, ia bukannya tolak ansur antara Dr. Mahathir dan Jawatankuasa Pengurusan UMNO yang menemuinya.

Megat Junid berkata, ada yang ditegaskan oleh Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob bahawa proses pengunduran Perdana Menteri’ adalah atas kehendaknya sendiri dan bukan disebabkan tolak ansur atau kompromi dengan Jawatankuasa Pengurusan partijitu, adalah benar.

Bagaimanapun, jelas Megat Junid, perkara ‘tolak ansur’ yang dibangkitkan oleh beliau sebelum ini juga tidak salah kerana ia memang berlaku tetapi hanya di dalam diri Dr. Mahathir sendiri.

“Memang apa yang Tan Sri Khalil kata benar bahawa tidak ada tolak ansur

antara Jawatankuasa Pengurusan (UMNO) dengan Perdana Menteri.

“Tak ada bantahan langsung, jadi apa yang saya maksudkan ialah untuk menenteramkan keadaan sebelum Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) buat pengumuman, saya kata, dalam pemerhatian saya ada satu rupa tolak ansur dalam diri beliau (Dr. Mahathir). Itu sahaja,” katanya.

Terdahulu beliau mengadakan pertemuan tertutup hampir tiga jam dengan Jawatankuasa Penerangan UMNO Kedah di Bangunan Tunku di sini malam tadi.

Isnin lepas Utusan Malaysia melaporkan Megat Junid berkata, Majlis Tertinggi (MT) yang bermesyuarat esoknya akan mengumumkan ‘tolak ansur’ yang dipersetujui dalam pertemuan antara anggota Jawatankuasa Pengurusan UMNO dan Dr. Mahathir di Seri Perdana, Putrajaya.

Bagaimanapun Jumaat lalu, Khalil berkata, proses peralihan kuasa yang diumumkan oleh MT UMNO adalah atas kehendak Perdana Menteri sendiri dan bukan kompromi dengan Jawatankuasa Pengurusan parti itu.

Khalil yang juga Menteri Penerangan menjelaskan, pertemuan jawatankuasa

itu dengan Perdana Menteri juga bukan untuk menetapkan tarikh bila Dr. Mahathir harus berundur.

Dr. Mahathir dijadualkan melepaskan semua jawatan parti termasuk kedudukannya sebagai Perdana Menteri selepas Persidangan Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan berlangsung pada 24 dan 25 Oktober 2003.

Sambil menegaskan perkara tersebut tidak harus menjadi polemik, Megat Junid berkata, keputusan yang dibuat sendiri oleh Dr. Mahathir perlu diterima dengan rasa syukur kerana pemimpin negara itu masih sudi meneruskan khidmatnya.

Ditanya mengapa Perdana Menteri mengambil keputusan tersebut, katanya: “Bila dia balik rumah, tengok dalam TV, orang menangis, meraung, histeria, maka wujud dalam hatinya bahawa tidak patut dia buat macam ini.

“Ketika itu wujud tolak ansur dalam diri beliau kerana kami datang pagi itu (Selasa) terus Dr. Mahathir bercerita bahawa beliau dah fikir panjang dan beliau ingat akan pergi lepas OIC kerana semua pemimpin Islam berjanji nak datang kalau beliau mampengerusikan persidangan itu.”